

24 JUL 2001

Moro-Perbincangan

PERBINCANGAN MORO FOKUS PADA PELAKSANAAN DAMAI SEMENTARA, PEMBANGUNAN
DI MINDANAO

PORT DICKSON, 24 Julai (Bernama) -- Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) menyambung perbincangan damai hari ini dengan membincangkan secara panjang lebar butiran bagi pelaksanaan gencatan senjata seperti yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak di Tripoli, Libya empat minggu lepas.

Ketua panel perunding kerajaan Filipina Jesus Dureza berkata mesyuarat itu akan mengkaji mengenai kemungkinan menubuhkan sebuah badan atau institusi khas untuk memantau pelaksanaan damai sementara itu.

Dureza berkata pusingan pertama perbincangan itu di Tripoli telah mengenal pasti tiga negara yang akan melaksanakan tugas itu -- Malaysia, Libya dan Indonesia.

"Dalam mesyuarat kami dengan MILF pada kali ini, kami akan menentukan apakah badan yang akan kami tubuhkan untuk menjalankan pemantauan itu," katanya kepada pemberita pada mesyuarat itu yang diadakan di bandar peranginan ini yang terletak kira-kira 100km dari Kuala Lumpur.

Kira-kira 13,000 anggota MILF telah berjuang lebih dua dekad bagi sebuah negeri Islam yang bebas di Mindanao. Pasukan perundingnya di sini diketuai Haji Murad Ebrahim.

Kepada satu soalan, Dureza berkata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak akan diminta untuk membantu dengan proses pengawasan itu.

"Kami bersetuju untuk menggunakan tiga negara dalam proses damai kami kerana bagi kami mereka akan membantu kami dalam memastikan bahawa terdapat keamanan dan pembangunan di Mindanao. Sebab itu lah kenapa kami telah mempelawa mereka untuk menjadi sebahagian daripada pasukan pengawasan," katanya.

Beliau berkata butiran mengenai jenis pasukan pengawasan itu kemungkinan akan diketahui pada akhir pusingan terbaru perbincangan antara kedua-dua panel perunding.

Dureza juga berkata perkara kedua yang akan dibincangkan di sini ialah mekanisme bagi membangunkan kawasan yang terjejas oleh konflik itu.

"Kami berpendapat bahawa di bawah pentadbiran Presiden Gloria Arroyo ia adalah penting walaupun rundingan masih berjalan, seperti yang anda tahu perkara ini akan mengambil sedikit masa, kami boleh melaksanakannya daripada segi memperbaiki kehidupan mereka yang terbabit," katanya.

Dureza berkata MILF telah diingatkan bahawa isu penubuhan sebuah negeri Islam tidak termasuk dalam agenda perbincangan ini.

Perunding kerajaan itu juga berkata beliau telah diminta oleh Arroyo untuk melahirkan penghargaan kerajaan Filipina kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia bagi bantuan mereka dalam usaha untuk keamanan di Mindanao.

"Ini adalah kerana kami melihat pergerakan bagi proses damai di Mindanao bergerak dengan pantas, terima kasih terhadap bantuan kerajaan Malaysia dan juga Libya dan Indonesia," kata Dureza.

Beliau berkata Presiden itu berharap untuk menyaksikan usaha untuk membangunkan Mindanao berjalan segera kerana "penduduk di Mindanao tidak boleh tunggu lagi".

"Kami perlu mengembleng sumber bagi memperbaiki kehidupan penduduk di sana," katanya.

Dureza berkata beliau akan pulang ke Manila esok dan datang semula ke sini pada Khamis dengan 15 anggota jawatankuasa kerja teknikal.

Perbincangan itu buat sementara waktu dijadualkan berakhir pada 3 Ogos.

-- BERNAMA
MAM AHH RHM